

Jangan biar kenderaan plat asing beli RON95 - Fuziah

Oleh NORAWAZNI YUSOF 08 Februari 2024 12:43pm Masa membaca: 4 minit



Fuziah tinjauan harga barang Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2024 di Pasaraya Nirwana pada Khamis.

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) memberi amaran kepada semua pengusaha stesen minyak di seluruh negara supaya tidak membenarkan kenderaan bernombor pendaftaran asing membeli RON95.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, pengusaha stesen minyak sepatutnya bertindak melarang pembelian tersebut.

Tegasnya, tindakan boleh diambil oleh pihak KPDN sekiranya pengusaha gagal mematuhi arahan dan mereka perlu membuat laporan jika ada perbuatan sedemikian.

"Jadi, operator stesen minyak harus melarang kenderaan warga asing (yang menggunakan kenderaan) nombor plat asing daripada membeli RON95 di stesen minyak mereka.

"Tindakan itu seharusnya dibuat dan kalau tidak melarang? mereka boleh dikenakan tindakan oleh KPDN," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan harga barang Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2024 di Pasaraya Nirwana dekat sini pada Khamis.

Sebelum ini, tular satu rakaman di laman sosial berhubung tindakan warga asing yang dikatakan menggunakan minyak RON95.

Fuziah bagaimana menjelaskan KPDN memuji tindakan netizen yang merakamkan dan tular video terbabit.



Fuziah meminta masyarakat menyalurkan aduan kepada KPDN bagi membolehkan tindakan segera dapat diambil

Jelasnya, namun masyarakat perlu membuat aduan kepada KPDN bagi membolehkan tindakan segera dapat diambil.

"Tindakan pengguna mengambil video itu bagus dan memviralkan (tular) itu mungkin membantu rakyat lain sedar bahawa itu satu kesalahan.

"Tapi, kalau kita hendak cepatkan lagi tindakan yang diambil, saya cadangkan salurkan juga kepada aduan KPDN, sebab kadang-kadang kita mungkin terlepas pandang dan lambat kita nak mengambil tindakan apabila ia tular," ujarnya.

Mengulas lanjut mengenai tinjauan harga, Fuziah berkata, sebanyak 1,607 pemantauan telah dilaksanakan KPDN bersempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2024 bermula 6 hingga 14 Februari ini.

Jelasnya, setakat Rabu, tiada sebarang kompaun atau denda telah dikeluarkan.

"Seramai 2,200 pegawai penguatkuasa dan sekitar 900 pegawai yang memantau harga barang maksimum musim perayaan telah turun padang bermula 6 Februari lalu di seluruh negara.

"Sebanyak 11 barang yang disenaraikan sebagai harga maksimum itu perlu diletakkan label berwarna merah jambu. Setakat pemantau dilakukan, peniaga memberikan kerjasama dan mengikut apa yang telah ditetapkan," katanya.

Fuziah memberitahu, tempoh pelaksanaan skim itu selama sembilan hari iaitu empat hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan empat hari selepas perayaan.